



MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA JUALAN SISA
(PERALATAN BENGKEL)**

No. Sebut harga: **MPPD SH 7/2021**

1. Tawaran adalah dipelawa dari SYARIKAT TEMPATAN yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:-

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Deposit Sebutharga (RM)
1	Peralatan Bengkel:		5% daripada harga tawaran atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah.
	-Mesin Rumput	24	
	-Mesin Potong Pokok	4	
	-Gergaji (Chainsaw)	17	
	-Alat Penimbang	3	
	-Mesin Fogging	4	
	-Tong Amroll	4	
	-Pam Penyembur Air	1	
	-Mist Blower	2	
	-Mesin Pencuci Lantai	2	
	-Penyembur Air Robin	2	
	-Mesin Pengalir Elektrik	1	
	<u>Jumlah Keseluruhan</u>	<u>64</u>	

2. Aset boleh dilihat bermula pada **25 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)** hingga **03 MAC 2021 (RABU)** di antara jam **09.00 pagi** hingga **04.00 petang** (Waktu Pejabat) di **Stor Utama Penyimpanan Alatan Majlis Perbandaran Port Dickson Kampong Gelam**. (Bagi yang berminat untuk melihat fizikal Pelupusan Aset Alih, perlu membuat temujanji terlebih dahulu dengan Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor (BPAS) menghubungi Cik Nurul Akmam binti Mahbob di talian 06 647 1122 sambungan 1907 selaras dengan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) / Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuatkuasa).

3. Penyebutharga **WAJIB** mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa berurusan di kawasan MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan dikenakan tindakan.
4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (**KEW.PA-28**) diperolehi dan dimuat turun secara percuma di PORTAL MPPD melalui laman web www.mppd.gov.my. Tempoh sah laku tawaran adalah **90 hari** dari tarikh sebutharga ditutup.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat saiz A4 berlakri beserta deposit sebutharga dan di tanda No. Sebutharga dibahagian atas kanan sampul (**cth: MPPD SH 7/2021**) dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat: **YANG DIPERTUA, Majlis Perbandaran Port Dickson, Km 1, Jalan Pantai, Blok A, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.** (u.p.: Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor).
6. Tarikh tutup sebut harga pada **10 MAC 2021 (RABU) jam 12:00 tengah hari**. Tawaran Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset pelupusan secara Jualan Sisa hanya boleh ditawarkan kepada Syarikat Tempatan sahaja dan tidak boleh ditawarkan kepada orang perseorangan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% dari [pada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. **Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja** atas nama **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menganggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Penyebutharga mestilah Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam Bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit).
8. Penyebutharga **WAJIB mengambil keseluruhan Aset Alih tersebut** dan tidak dibenarkan hanya mengambil sebahagian Aset Alih sahaja.
9. Tawaran Sebutharga yang dihantar melalui pos, hendaklah memastikan tawaran tersebut diterima oleh MPPD sebelum tarikh dan waktu sebutharga ditutup.
10. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
11. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset.



MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson

Tarikh: 23 Feb 2021



**BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH
(PERALATAN BENGKEL SECARA JUALAN SISA)**

Nama Syarikat :

Pendaftaran Syarikat :

Alamat:

.....
.....
.....
.....

Kepada:

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
KM 1, JALAN PANTAI (BLOK A)
71009 PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
(u.p.: Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor)

Tuan,

Tawaran untuk Sebut Harga No. MPPD SH 7/2021

Merujuk kepada perkara di atas, syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran syarikat adalah seperti berikut:-

LIHAT MUKA SURAT KEDUA (2)



Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebutharga (RM)
1	Peralatan Bengkel:			
	-Mesin Rumput	24		
	-Mesin Potong Pokok	4		
	-Gergaji (Chainsaw)	17		
	-Alat Penimbang	3		
	-Mesin Fogging	4		
	-Tong Amroll	4		
	-Pam Penyembur Air	1		
	-Mist Blower	2		
	-Mesin Pencuci Lantai	2		
	-Penyembur Air Robin	2		
	-Mesin Pengalir Elektrik	1		
	<u>Jumlah Keseluruhan</u>	<u>64</u>		

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai **RM**
(Ringgit Malaysia)
dalam bentuk **Wang Pos /Draf Bank, No.** atas nama
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON.
4. Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

Cap Syarikat :